



B/H 7/8/12 MS 1.

Bom jangka

si kecil

» *Sindrom tutup mulut,
mata suburkan jenayah
dera budak*

Oleh Rashiqah Ilimi Abd Rahim
rashiqah@bharian.com.my

Mengigau, sukar tidur dan takutkan keadaan gelap. Mereka juga mengalami perubahan sikap secara tiba-tiba, sisihkan diri serta kencing malam dan trauma atau fobia kepada orang atau tempat tertentu.


Ini bukan masalah biasa, tetapi 'profil' diri kanak-kanak yang menjadi mangsa dera. Malah, mangsa penderaan seksual diibaratkan bom jangka yang boleh meletup bila-bila masa dan menjejaskan keharmonian masyarakat kelak jika tiada bantuan diberikan bagi mengurangkan trauma dialami.

Mereka bukan saja mengalami kesan jangka pendek seperti gangguan tekanan yang serius, tetapi kesan jangka panjang terhadap mangsa itu jauh lebih membimbangkan apatah lagi sekiranya kejadian itu berlaku ketika usia masih mentah.

Penderaan seksual

Kajian psikologi menunjukkan satu daripada tujuh kanak-kanak di negara ini mengalami penderaan seksual yang mana sebanyak 50 peratus daripadanya membabitkan penderaan fizikal.

Mangsa dera jadi remaja tak normal



B/H 7/8/12 MS 2.



“
ADA MANGSA
YANG SUDAH
MEMBUAT

arga, saudara mara, jiran tetangga dan rakan mangsa.


Pakar Psikiatri, Unit Pediatrik, Hospital Kuala Lumpur, Dr Noorul Amilin Harun berkata bapa kandung, bapa saudara dan datuk adalah golongan paling ramai melakukan perbuatan itu terhadap kanak-kanak perempuan di bawah peliharaannya

Bagaimanapun, katanya keadaan sedemikian jarang dilaporkan kepada pihak berkuasa untuk tujuan tertentu termasuk menjaga nama baik keluarga.

"Ada mangsa yang sudah membuat laporan mena-

rik balik dakwaan kerana bimbang jika ayah mangsa ditahan polis, sumber pendapatan akan terjejas menyebabkan seluruh ahli keluarga menderita lebih teruk.

Untuk itu, mereka memilih untuk memendamkan saja dan diselesaikan sesama sendiri dan akibatnya mangsa penderaan menjadi golongan yang mengalami tekanan jiwa yang teruk dan gagal menikmati hidup remaja secara normal," katanya pada Seminar Kesedaran Terhadap Pencegahan Jenayah Seksual Kanak-Kanak di Maktab Polis Diraja



Pegawai polis dan pakar yang hadir pada seminar kesedaran terhadap **pencegahan jenayah seksual kanak-kanak** di Maktab PDRM Kuala Lumpur.

Malaysia, baru-baru ini.

Trauma kes mahkamah

Katanya, bagi kes yang dilaporkan, kanak-kanak menjadi trauma sekiranya kes dibawa ke mahkamah kerana prosiding kes mengambil masa yang lama dan menimbulkan trauma berpanjangan.

"Jika tiada bantuan diberikan bagi menangani trauma dihadapi, mereka mungkin melakukan penderaan sama apabila besar kelak. Mangsa juga akan mengalami pelbagai masalah lain seperti kemurungan, tingkah laku yang merosakkan diri, resah, meminggirkan diri, rendah harga diri, sukar dipercayai orang lain dan mungkin sukar menjalin hubungan.

"Jadi, langkah terbaik ialah memberi kesedaran kepada semua pihak agar mengelak kes berkenaan daripada berlaku dan ini selaras dengan pepatah mencegah lebih baik daripada merawat," katanya.

FAKTA NOMBOR

825

kes penderaan seksual 2011

50

peratus

kes penderaan berlaku sekali

25

peratus

kes penderaan berulang

Dari F1

Tambah menakutkan, kajian menunjukkan 50 peratus kes penderaan seksual yang dilaporkan berlaku sebanyak sekali manakala 25 peratus daripadanya adalah kes penderaan berulang.

Itu belum lagi kes pembunuhan kejam dan rogol yang sukar dimaafkan.

Majoriti kenal mangsa

Lebih membimbangkan, kajian menunjukkan kebanyakan kes yang dilaporkan membabitkan orang yang dikenali sama ada ahli kelu-



© **Kanak-kanak perempuan** berisiko mengalami penderaan seksual sebanyak dua hingga empat kali ganda berbanding kanak-kanak lelaki.

© **Sebanyak** 50 peratus kes hanya berlaku sekali manakala 25 peratus kes adalah penderaan berulang.

© **Di Amerika Syarikat**, sebanyak 62 peratus orang dewasa dilaporkan pernah mengalami penderaan seksual manakala kira-kira 5 juta

rakyat British mengalami penderaan seksual yang mana 3 juta membabitkan wanita dan 2 juta lelaki.

© **Menurut** laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), hanya 124 kes penderaan seksual dilaporkan dari tahun 2009 hingga kini. Bagaimanapun, realiti sebenar yang berlaku dalam masyarakat hari ini menunjukkan banyak kejadian tidak dilaporkan.

Bimbing kanak-kanak dengan peraturan sentuhan

© **Tiada sesiapa** boleh menyentuh bahagian sulit badan kecuali untuk menjaga KEBERSIHAN dan KESIHATAN.

© **Tiada sesiapa** boleh menyuruh saya menyentuh bahagian sulit badan orang lain.

© **Sekiranya** berasa keliru, tidak selesa atau disuruh menyimpan rahsia mengenai suatu sentuhan, saya boleh katakan 'TIDAK, LARI dan BERITA HU'.

© **Teruskan** usaha memberitahu sehingga mendapat pertolongan.

LAPORAN MENARIK BALIK DAKWAAN KERANA BIMBANG JIKA AYAH MANGSA DITAHAN POLIS, SUMBER PENDAPATAN TERJEJAS DAN SELURUH AHLI KELUARGA MENDERITA LEBIH TERUK"

Dr Noorul Amilin Harun,
Pakar Psikiatri
Unit Pediatrik HKL

Didik anak kenali had sentuhan

Penceramah bebas, Wong Lai Cheng berkata memandangkan seriusnya perkara itu, kanak-kanak perlu dididik dengan sebaik-baiknya untuk bertindak bijak apabila menghadapi penderaan seksual.

Katanya, kebanyakan kanak-kanak tidak mengetahui diri mereka menjadi mangsa penderaan seksual dan tidak mengetahui bagaimana untuk menceritakan kejadian itu kepada orang lebih dewasa kerana pemikiran mereka dimanipulasikan bagi menutup perlakuan pelaku.

"Justeru, setiap pihak terutama ibu bapa dan pendidik harus diberi pendedahan mengenai cara melengkapkan kanak-kanak

dengan informasi menjaga keselamatan diri mengikut kesesuaian umur dan melatih kemahiran bersama kanak-kanak.

"Kanak-kanak perlu didehadkan dengan peraturan sentuhan yang melarang sesiapa menyentuh bahagian sulit badan mereka kecuali untuk tujuan kebersihan dan kesihatan," katanya.

Berani kata tidak

Katanya, peraturan sentuhan itu turut menyentuh bahawa sekiranya mereka berasa keliru, tidak selesa dan disuruh menyimpan rahsia, mereka boleh katakan tidak, lari dan usaha memberitahu sehingga mendapatkan pertolongan.

"Kita mahu kanak-kanak

di negara ini hidup dan membesar dalam suasana yang selamat dan harmoni. Jadi, langkah mewujudkan pentingnya kesedaran untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa penderaan seksual perlu dilakukan segera," katanya.

Sindrom tutup mulut

Pegawai Pelindung, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Mohamad Iskandar Mohammed Tudin pula berkata pihaknya akan berusaha memecahkan sindrom menutup mulut berhubung penderaan seksual yang berlaku terhadap kanak-kanak.

"Meskipun statistik penderaan seksual oleh JKJ menunjukkan penurunan daripada 937 kes pada 2010 kepada 825 kes pada tahun lalu, masalah ini tidak boleh dipandang ringan kerana statistik tidak mencerminkan realiti sebenar.

"Saya percaya masih banyak kes yang belum dilaporkan terutama kes yang membabitkan perbuatan keluarga dan saudara mara," katanya.

Dua anak mangsa seks bapa rakus

Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Begitulah beban ditanggung dua kanak-kanak lelaki dan perempuan yang menjadi mangsa penderaan seksual bapa kandung.

Akibat perbuatan hina lelaki berkenaan pada tiga tahun lalu, mereka kini menjalani rawatan terapi oleh pakar psikologi kerana mengalami gangguan emosi yang serius.

Berkongsi sejarah hitam keluarga itu, ibu mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai Puan Mala yang juga doktor di salah sebuah

BIA 7/6/12 ms 3.

Ibu harus peka perubahan diri anak disyaki mangsa dera.


kejadian itu apatah lagi memikirkan tekanan yang dihadapi dua anaknya.

beliau seperti mayat hidup pada peringkat awal kejadian itu sebelum mengambil inisiatif mendapatkan rawa-

INFO

Tanda kanak-kanak mengalami penderaan seks

- ⊙ **Mengigau**, sukar tidur, takut kepada keadaan gelap.
- ⊙ **Perubahan** tingkah laku secara tiba-tiba, takut, marah atau menyisihkan diri.
- ⊙ **Takut** pada orang atau tempat tertentu.
- ⊙ **Kencing** malam atau menghisap jari.
- ⊙ **Masalah** perhubungan.
- ⊙ **Berasa** tidak berdaya.
- ⊙ Berahsia.
- ⊙ **Sering** bercakap mengenai teman baru yang lebih dewasa.
- ⊙ **Mencederakan diri** atau cenderung membunuh diri.
- ⊙ **Memakai** pakaian berlapis-lapis.
- ⊙ **Maruah diri** yang rendah.
- ⊙ **Berperangai** seksual.
- ⊙ **Gagal** memberi tumpuan.
- ⊙ **Gangguan** pemakanan.



mereka sebagai sesuatu yang menjijikkan. Kesabaran anda dapat membantu mengembalikan maruah mereka)

⊙ **Tegas** (Kanak-kanak yang didera sering keliru dengan perasaan mereka akibat dipergunakan oleh pelaku. Mereka harus dibenarkan dan digalakkan untuk menyatakan perasaan mereka. Perasaan mereka harus dipandang serius dan tegas)

⊙ **Membimbing** kanak-kanak untuk menghadapi keadaan seterusnya (Kanak-kanak yang didera berasa tidak berdaya. Mereka perlu tahu ada pihak yang sedia membantu)

⊙ **Sokongan** (Bercakap mengenai penderaan boleh menjadi traumatik seperti mana kesan penderaan itu sendiri. Orang dewasa harus menyokong kanak-kanak khususnya ketika mereka mula mahu bercerita. Yakinkan kanak-kanak itu bahawa anda akan sentiasa membantu selagi mereka memerlukan bantuan anda dan sama-sama melaluinya).



Langkah yang perlu diambil

- ⊙ **Percaya** (kanak-kanak jarang sekali memulakan cerita. Mempercayai kanak-kanak adalah langkah utama dalam membantu mengatasi trauma yang mereka alami)
- ⊙ **Bertenang** (kanak-kanak mungkin salah anggap kemarahan anda terhadap penderaan yang berlaku kepada



“
SAYA AKHIRNYA PILIH UNTUK BERDEPAN REALITI. PERASAAN

MARAH BERBAUR DENDAM, BENCI DAN CEMAS BERBUKU DALAM HATI KERANA MEMIKIRKAN TEKANAN YANG DIHADAPI ANAK"

*Mala,
Ibu mangsa*

juga doktor di salah sebuah hospital di ibu kota, mengakui sukar berdepan dengan

FAKTA NOMBOR

871

kes **penderaan
berlaku sekali**

66

budak **lelaki**

789

budak **perempuan**
jadi mangsa pada 2011

36

budak **lelaki**

Takut terima kenyataan

"Pada mulanya, anak-anak ada memberitahu mengenai kelakuan bekas suami tetapi saya tidak mengendahkannya kerana kurang percaya selain takut menerima kenyataan.

"Bagaimanapun, anak-anak yang tidak tahan dengan perbuatan keji itu memberitahu guru tadika mereka yang kemudiannya menghubungi saya untuk mengesahkan perkara itu," katanya.

Mala akhirnya akur dengan nasihat guru tadika berkenaan kerana bimbang kehilangan dua anaknya sekiranya didakwa mengabaikan tanggungjawab sebagai ibu.

Terpaksa dirawat

"Saya akhirnya pilih untuk berdepan realiti. Perasaan marah berbaur dendam, benci dan cemas berbuku dalam hati kerana memikirkan tekanan yang dihadapi anak.

Marah yang melampau memakan dirinya sehingga

inisiatif mendapatkan rawatan terapi bersama anak-anaknya.

"Kini saya sudah boleh menjalani kehidupan seperti biasa, manakala anak-anak masih menjalani rawatan psikologi kerana tekanan yang dihadapi mereka amat mendalam sekali.

"Namun, saya lega kerana mereka sudah bertambah pulih dan boleh menjalani kehidupan normal seperti kanak-kanak lain. Trauma sebenarnya bergantung kepada mangsa, ada yang mampu mengatasi kesedihan dalam masa singkat dan ada yang panjang," katanya.

Beliau yang tidak pernah menyangka kejadian itu menimpa keluarganya turut menasihatkan penjaga kanak-kanak terutama ibu agar lebih prihatin terhadap keselamatan anak mereka meskipun di rumah sendiri.

"Banyak kejadian di dunia ini berlaku di luar jangkauan kita," katanya.

